

# Topik: Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

## Akaun Kontra

### MAKSUD AKAUN KONTRA

- Akaun kontra merupakan satu akaun yang berkait secara bertentangan dengan akaun induknya. Ini bermaksud akaun kontra akan memberi kesan mengurangkan baki akaun induknya.
- Akaun kontra akan dikelaskan di bawah elemen penyata kewangan yang sama dengan akaun induknya. Misalnya, akaun susutnilai terkumpul adalah akaun kontra kepada akaun induk aset bukan semasa. Maka, susutnilai terkumpul akan dikelaskan di bawah aset.

### TUJUAN AKAUN KONTRA

#### Dua tujuan akaun kontra:

##### Sebagai satu penolakan nilai.

- Akaun kontra ditutup ke akaun induknya atau akaun lain yang berkaitan dengan akaun induk pada akhir tempoh supaya **nilai bersih sebenar** akaun induk dapat dilapurkan.
- Contoh akaun kontra jenis ini adalah akaun pulangan belian, akaun pulang jualan dan akaun ambilan.

##### Sebagai satu pelarasian nilai.

- Akaun kontra tidak akan ditutup ke akaun induk tetapi baki akaun kontra direkodkan sebagai satu pengurangan baki akaun induk semasa persembahan di penyata kedudukan kewangan bagi menunjukkan **nilai bersih anggaran** akaun induk.
- Contoh akaun kontra jenis ini adalah akaun susutnilai terkumpul dan akaun peruntukan hutang rugu

- Jadual contoh akaun kontra dan akaun induk

Tujuan Akaun Kontra	Akaun Kontra	Akaun Induk	Klasifikasi Akaun
<b>Penolakan nilai</b>	Pulangan belian (keluar)	Akaun belian	Belanja
	Pulangan jualan (masuk)	Akaun jualan	Hasil
	Ambilan	Akaun Modal	Ekuiti pemilik
<b>Pelarasaran nilai</b>	Susutnilai terkumpul	Akaun aset bukan semasa berkaitan	Aset
	Peruntukan hutang ragu	Akaun belum terima	Aset

## PERBEZAAN ANTARA AKAUN KONTRA DAN CATATAN KONTRA

CATATAN KONTRA:	AKAUN KONTRA:
<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Catatan kontra merujuk kepada pindahan satu amaun / baki dari satu akaun ke akaun yang lain. Kedua-dua akaun yang terlibat mempunyai hubungan persamaan yang tertentu. Misalnya:<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Buku tunai yang sama bagi pindahan tunai ke bank atau sebaliknya.</li><li>▪ Individu yang sama bagi pindahan kontra akaun kawalan (akaun belum terima dan belum bayar)</li></ul></li><li>➤ Pindahan ini boleh berlaku secara dua hala, iaitu dari satu akaun ke akaun yang lain atau sebaliknya.</li><li>➤ Contoh catatan kontra adalah:<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Tunai dikeluarkan dari akaun bank dan di masukkan ke akaun tunai atau sebaliknya.</li><li>▪ Pindahan baki satu akaun belum terima ke satu akaun belum bayar atau sebaliknya.</li></ul></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Akaun kontra pula diwujudkan semata-mata untuk merekod amaun-amaun yang akan mengurangkan nilai baki akaun induknya.</li><li>➤ Sebenarnya, catatan di akaun kontra boleh direkodkan secara terus di akaun induk tanpa mewujudkan akaun kontra. Tetapi, pihak pengurusan mewujudkan akaun kontra supaya maklumat akaun kontra ini digunakan untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan akaun induknya.</li><li>➤ Misalnya, jika jumlah pulangan belian adalah sangat tinggi, pihak pengurusan mungkin akan membuat keputusan untuk membeli daripada pembekal lain. Pulangan belian yang kurang akan mengurangkan kos urusan perniagaan.</li><li>➤ Ini adalah satu contoh bagaimana objektif perakaunan dicapai, iaitu menyediakan maklumat kewangan yang berguna untuk membuat keputusan.</li></ul>